



Noble Park English Language School

21-35 Thomas Street, Noble Park, 3174.
P.O. Box 656, Noble Park, 3174

Telefon: 9546 9578
Faks: 9558 5683
Emel: noble.park.els@education.vic.gov.au
ABN: 67 406 080 234

RANCANGAN PEMBAYARAN OLEH IBU BAPA

Kepada Ibu Bapa,

Noble Park English Language School (NPELS) berasa suka cita untuk menghadapi suatu lagi tahun yang cemerlang dalam pembelajaran dan pengajaran dan ingin menasihati anda tentang rancangan pembayaran NPELS oleh ibu bapa bagi tahun 2021.

NPELS mengambil semua langkah-langkah untuk memastikan bahawa kos-kos bahan dan aktiviti diletakkan pada tahap minimum dan mampu dibiayai oleh semua ibu bapa. Pihak sekolah tidak mengenakan caj kepada pelajar melainkan untuk menghadiri Kem dan Lawatan sambil belajar.

Pada masa pendaftaran, kami meminta sumbangan suka rela yang menampung semua keperluan-keperluan sekolah kami yang utama. Sila lihat maklumat yang dilampirkan di bawah mengenai sumbangan suka rela.

Anak anda tidak akan kekurangan sekiranya anda tidak membuat sumbangan suka rela. Semua rekod sumbangan suka rela disimpan secara sulit beserta dengan keputusan anda untuk sama ada anda mahu membuat sumbangan atau tidak.

Bantuan Kewangan untuk Keluarga

NPELS memahami bahawa beberapa keluarga mungkin menghadapi masalah kewangan dan menawarkan beberapa jenis opsyen sokongan, termasuk:

- Dana Kem, Sukan dan Lawatan Sambil Belajar (CSEF)
- Dana Pelarian
- Sokongan daripada Komuniti Tempatan
- Dana Pengangkutan

Untuk perbincangan sulit tentang cara-cara mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan ini, atau jika anda mahu membincangkan tentang rancangan pembayaran yang alternatif, sila hubungi:

Vincenzina Calabro

Pengetua

Ph: 03 9546 9578 | Email: Vincenzina.Calabro@education.vic.gov.au

Kaedah

Pembayaran akan diambil pada masa pendaftaran. Tunai akan diterima di pejabat am.

Pembayaran balik

Sekolah kami akan mempertimbangkan permintaan untuk pembayaran balik separa atau sepenuhnya oleh ibu bapa atas dasar kes demi kes dengan mengambil kira keadaan individu tersebut. Secara amnya, kami tidak boleh membayar balik untuk pembelian bahan-bahan atau kos yang telahpun dibayar di mana dana telah dipindahkan kepada pihak ketiga. Contohnya, kos kem di mana seseorang jatuh sakit dan tidak boleh menghadiri dalam keadaan di mana bayaran telahpun dibuat atau komitmen telah dibuat kepada pihak ketiga dan tiada pembayaran balik boleh didapati kepada sekolah. Di mana boleh, kami akan menjelaskan ini kepada para ibu bapa pada masa pembayaran.

Untuk maklumat lanjut tentang Polisi Jabatan berkenaan dengan Pembayaran oleh Ibu Bapa sila lihat imbasan yang dilampirkan

Yang Benar,

Pengetua

Presiden Majlis Sekolah

[TANDATANGAN BLOK PENGETUA]

[TANDATANGAN BLOK MAJLIS SEKOLAH]

Sumbangan Suka Rela

Noble Park English Language School terus mengalu-alukan sumbangan suka rela anda untuk menyokong sekolah kami.

Anda boleh membuat sumbangan suka rela am yang akan disalurkan ke arah perkara-perkara utama sekolah kami bagi tahun 2021 serta memberikan aktiviti-aktiviti yang tambahan dan perkhidmatan-perkhidmatan kepada semua pelajar. Sebagai alternatif, anda boleh membuat sumbangan suka rela kepada mana-mana perkara utama yang digariskan dalam jadual di bawah:

Sumbangan suka rela	Cukai boleh ditolak?	Jumlah Sumbangan Suka Rela Setiap Keluarga yang Disarankan			Jumlah
<i>[Sumbangan suka rela am]</i>					
<i>[Contoh: Sumbangan Am]</i>	<i>Tidak</i>	<i>Contoh \$10</i>	<i>Contoh \$20</i>	<i>Contoh \$30</i>	
<i>[Contoh: Program Pengkhususan Muzik]</i>	<i>Tidak</i>	<i>Contoh \$10</i>	<i>Contoh \$20</i>	<i>Contoh \$30</i>	
<i>[Contoh: Kaki Tangan Pembantu Pendidikan yang Tambahan]</i>	<i>Tidak</i>	<i>Contoh \$10</i>	<i>Contoh \$20</i>	<i>Contoh \$30</i>	
<i>[Contoh: Dana Bangunan – Peningkatan kepada Makmal Sains dan Teknologi]</i>	<i>Tidak</i>	<i>Contoh \$10</i>	<i>Contoh \$20</i>	<i>Contoh \$30</i>	
JUMLAH					\$

Anak anda tidak akan kekurangan sekiranya anda tidak membuat sumbangan suka rela. Semua rekod tentang sumbangan suka rela akan disimpan sebagai sulit beserta dengan keputusan anda sama ada untuk membuat sumbangan atau tidak.

Caj-caj Bayaran Ibu bapa

Sumbangan kewangan suka rela

Amaun_____

JUMLAH_____

POLISI BAYARAN IBU BAPA

IMBASAN

Rumusan berikut adalah ringkasan prinsip-prinsip utama Polisi Bayaran Ibu Bapa:



PENDIDIKAN PERCUMA

- Pihak sekolah akan memberikan pelajar Pendidikan percuma untuk memenuhi standard keperluan kurikulum seperti yang digariskan dalam Kurikulum Negeri Victoria F-10, VCE and VCAL.



PERMINTAAN BAYARAN IBU BAPA

- Pihak sekolah tidak akan meminta ibu bapa untuk membayar kos operasi (contohnya kos utiliti) atau caj-caj am dan kos yang tidak dihuraikan.
- Permintaan bayaran sekolah daripada ibu bapa diletakkan kepada tiga kategori

Bahan-bahan Pembelajaran Pelajar yang Penting

- Bahan-bahan dan aktiviti yang dianggap sebagai penting untuk pembelajaran pelajar
- Ibu bapa boleh memilih untuk membeli barang-barang penting menerusi sekolah atau dengan sendiri.

Bahan-bahan Opsyen

- Bahan-bahan atau aktiviti yang boleh memperbaiki atau meluaskan pengalaman pembelajaran para pelajar dan ditawarkan sebagai tambahan kepada kurikulum yang standard.
- Ini ditawarkan kepada pelajar pada dasar pengguna akan membayar.

Sumbangan Suka Rela

- Sumbangan suka rela untuk menyokong sekolah agar terus menjadi sekolah tempatan yang terbaik untuk semua pelajar dan boleh digunakan untuk tujuan khusus atau am.
- Pelajar tidak akan kekurangan dari mana-mana segi jika ibu bapa tidak menyumbang

BANTUAN KEWANGAN UNTUK KELUARGA

- Pihak sekolah telah meletakkan pelan rancangan kesusahan kewangan untuk menyokong ibu bapa yang tidak mampu membayar untuk bahan-bahan atau aktiviti supaya anak mereka tidak ketinggalan.
- Pihak sekolah telah mencalonkan seseorang yang boleh dihubungi supaya para ibu bapa boleh berbincang secara peribadi tentang rancangan kesusahan kewangan.



PROSES-PROSES SEKOLAH

- Pihak sekolah akan memperolehi kelulusan daripada majlis sekolah untuk rancangan pembayaran ibu bapa dan memuatnaikkan rancangan mereka pada laman web am sekolah bagi ketelusan.